**PEJABAT TIMBALAN PERDANA MENTERI**

**KENYATAAN MEDIA**

**LAPORAN PENYERTAAN MESYUARAT KE-45 ASEAN COMMITTEE ON DISASTER MANAGEMENT (ACDM), MESYUARAT KE-21 GOVERNING BOARD OF AHA CENTRE, MESYUARAT KE-6 ASEAN DISASTER RESILIENCE PLATFORM (ADRP) DAN PERJUMPAAN DUA HALA BERSAMA KETUA DELEGASI JEPUN DAN KETUA DELEGASI REPUBLIK KOREA DI BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI DARUSSALAM PADA 21 HINGGA 22 OKTOBER 2024**

Ketika sesi taklimat petang ini, saya telah dimaklumkan bahawa Mesyuarat ke-45 ACDM, Mesyuarat ke-21 Governing Board of AHA Centre, Mesyuarat ke-6 ASEAN Disaster Resilience Platform (ADRP) dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan telah diadakan bermula dari 21 hingga 23 oktober 2024 di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam. Mesyuarat ini dihadiri oleh ketua-ketua agensi pengurusan bencana di negara anggota ASEAN selaku ahli ASEAN Committee on Disaster Management (ACDM).

Delegasi Malaysia diketuai oleh YBhg. Datuk Khairul Shahril bin Idrus, Ketua Pengarah NADMA, dan diiringi oleh En. Rusli bin Ibrahim, Pengarah Seksyen Dasar dan Perancangan serta En. Aiman Na'im bin Muhammad Razif, Penolong Pengarah, Seksyen Dasar dan Perancangan.

Saya juga dimaklumkan di sela mesyuarat yang berlangsung, Datuk Ketua Pengarah NADMA juga telah mengadakan pertemuan bilateral dengan wakil daripada kerajaan Jepun dan Korea Selatan mengenai peluang kerjasama yang lebih rapi dengan negara-negara berkenaan di dalam pengurusan bencana. Buat masa ini, kebanyakan aktiviti melibatkan kedua-dua negara adalah secara ad-hoc dan tertumpu di peringkat ASEAN.

ACDM telah ditubuhkan pada awal tahun 2003 di bawah Komuniti Sosio-Budaya ASEAN. Ia pada asalnya merupakan sebuah institusi kepakaran yang telah wujud sejak tahun 1970-an sebelum diperkukuh dan dinaiktaraf menjadi satu jawatankuasa sepenuhnya pada tahun 2003.

Sebagai sebuah jawatankuasa, ACDM telah membangunkan ASEAN Agreement on Disaster Management and Emergency Response (AADMER) yang ditandatangani pada 26 julai 2005 dan berkuatkuasa pada disember 2009. AADMER adalah perjanjian serantau yang sah di sisi undang-undang dan untuk itu, negara-negara anggota mempunyai obligasi untuk mempromosikan kerjasama serantau bagi membina daya tahan, mengurangkan kerugian akibat bencana serta menggiatkan tindak balas terhadap bencana secara kolektif.

Perancangan dan Pelaksanaan AADMER diterjemahkan melalui program kerja AADMER dan bagi tujuan pemantauan pelaksanaan program-program dan inisiatif. Pengemaskinian pelaksanaan program, aktiviti dan isu-isu berkaitan AADMER, kerjasama rentas-sektor, serta pengoperasian AHA Centre perlu dilaporkan kepada mesyuarat ACDM yang diadakan sebanyak dua kali setahun. hasil mesyuarat ACDM pula akan dilaporkan dalam Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Pengurusan Bemncana (AMMDM) dan COP to the AADMER yang akan diadakan pada 24 Oktober 2024.

Malaysia memainkan peranan yang aktif melalui perjanjian AADMER dan antara pendokong setiap aktiviti di bawah naungan program kerja AADMER selaku pengerusi bersama bagi ACDM Working Group on Preparedness, Response and Recovery (WG on PRR).

**AHMAD ZAHID HAMIDI**
**Timbalan Perdana Menteri**
**Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negara**

***Brunei Darussalam | 23 Oktober 2024***